


IQRA'

BIL. 10/2025
OKTOBER



Bengkel Pemurnian PRIME: Memacu Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi UiTM

Disediakan oleh : Hamidah Mohd Per. Sultan Badlishah Kedah

Tarikh : 1 Oktober 2025



Bengkel Pemurnian Portal for Research and Innovation Management (PRIME) telah berlangsung dengan jayanya di Hotel UiTM Shah Alam, dari jam 3.00 petang hingga 5.00 petang.

Bengkel ini dikendalikan oleh Puan Zuhaslinda Sulaiman, yang telah berkongsi pencerahan mendalam mengenai:

- ✦ Tatacara pengisian PRIME dengan tepat dan sistematik
- ✦ Perkongsian amalan terbaik (best practices)
- ✦ Panduan perkara yang perlu dan tidak perlu dilakukan dalam penggunaan portal

Turut hadir semasa sesi berkenaan Eza Eliana Binti A Wahid, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP) dan Cik Umami Halimatunssaadiyya Binti Shamsul Yuzli, Pustakawan dari Unit Literasi maklumat.

Melalui bengkel ini, para peserta bukan sahaja didedahkan kepada kaedah pengisian data dan pelaporan dengan lebih jelas, malah turut diperkasa dengan ilmu dan kemahiran untuk meningkatkan kecekapan serta ketepatan dalam pengurusan maklumat penyelidikan dan inovasi di UiTM.

☀ PRIME bukan sekadar portal, ia adalah nadi penyelidikan dan inovasi UiTM. Dengan pemurnian berterusan, UiTM terus melangkah ke hadapan sebagai pusat kecemerlangan ilmu, penyelidikan dan penciptaan nilai baharu untuk masyarakat dan negara.

🔗 "Setiap data yang diisi dengan tepat adalah langkah kecil menuju impak besar dalam dunia penyelidikan."

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my